




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

12 FEBRUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 4,107 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 270,369 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Sandakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 962 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 244,102 orang. Manakala 2,685 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,109 orang di hospital, 1,443 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 130 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 38 orang merangkumi 37 di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 38 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 38 (20.77%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kalabakan berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 26 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sabah mencatatkan kes yang tinggi melebihi paras angka 4000 dengan 4,107 kes baharu hari ini. Jumlah ini merupakan penambahan 746 kes berbanding jumlah kelmarin.
- b. Kota Kinabalu mencatatkan kes tertinggi di Sabah dengan 1,229 kes penambahan 447 kes berbanding sebelumnya. Penambahan jumlah yang tinggi ini memang diduga dengan mengambilkira peratusan kes simptomatik yang tinggi. Hari ini 681 kes (55.4%) di Kota Kinabalu adalah daripada kategori simptomatik atau bergejala yang berjangkit secara sporadik. Kes simptomatik yang tinggi bermakna virus ini sudah berada dalam komuniti secara meluas dan akan mengakibatkan kes baharu terus melambung tinggi dalam masa terdekat.
- c. Sejumlah 10 daerah mencatatkan kes tiga (3) angka, 14 daerah mencatatkan kes dua (2) angka dan satu (1) daerah mencatatkan kes satu (1) angka. Hanya daerah Tongod tidak merekodkan sebarang kes baharu hari ini.
- d. Kes-kes bergejala merupakan kategori penyumbang utama kes-kes baharu di Negeri Sabah dengan 2,252 kes atau hampir 55% daripada keseluruhan jumlah kes. Peratusan kes-kes simptomatik atau bergejala adalah amat tinggi di daerah-daerah yang mencatatkan kes tiga (3) angka seperti Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang, Papar dan Lahad Datu. Tempat-tempat ini merupakan kawasan perbandaran yang padat dengan penduduk dan pusat aktiviti sosial dan aktiviti perniagaan. Penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan ini diminta berhati-hati semasa berada dikhalayak ramai atau semasa menghadiri majlis-majlis sosial. Elakkan berada di tempat-tempat yang sesak. Patuhi semua SOP.
- e. Tidak ada kluster baharu dicatatkan hari ini, namun sejumlah 90 kes datang daripada 10 kluster yang sedia ada. Sehingga kini, terdapat 36 kluster yang masih aktif di seluruh Negeri Sabah.
- f. Sejumlah 4,093 (99.66%) daripada 4,101 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat tiga (3) kes dalam Kategori 3, lapan (8) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,494) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	90	2.19%
2	Kontak	1,494	36.38%
3	Bergejala	2,252	54.83%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	271	6.59%
JUMLAH		4,107	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (11 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 11/02/2022	Catatan Kes 12/02/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	782	12,29	+447
2	Penampang	254	424	+170
3	Kota Belud	122	198	+76
4	Keningau	53	92	+39
5	Lahad Datu	152	184	+32
6	Kudat	29	60	+31
7	Beluran	30	53	+23
8	Sipitang	26	48	+22
3	Putatan	26	47	+21
10	Beaufort	123	136	+13
11	Kinabatangan	43	56	+13
12	Sandakan	374	383	+9
13	Kota Marudu	96	104	+8
14	Ranau	107	114	+7
15	Kunak	44	51	+7
16	Tambunan	11	18	+7
17	Kalabakan	6	6	Mendatar
18	Papar	244	164	-80
19	Tuaran	310	271	-39
20	Semporna	87	68	-19
21	Pitas	23	12	-11
22	Tongod	9	0	-9
23	Nabawan	22	14	-8
24	Kuala Penyu	61	57	-4
25	Tenom	32	28	-4
26	Telupid	32	29	-3
27	Tawau	263	261	-2
JUMLAH		3,361	4,107	+746

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	46	377	681	0	125	1229	4,837
Penampang	0	181	231	0	12	424	2,212
Sandakan	0	146	212	0	25	383	3,132
Tuaran	0	121	132	0	18	271	2,008
Tawau	0	54	195	0	12	261	1,382
Kota Belud	2	102	90	0	4	198	727
Lahad Datu	0	44	118	0	22	184	1,075
Papar	0	59	100	0	5	164	1,319
Beaufort	3	53	76	0	4	136	779
Ranau	0	22	87	0	5	114	855
Kota Marudu	1	63	38	0	2	104	675
Keningau	1	46	43	0	2	92	474
Semporna	0	6	49	0	13	68	363
Kudat	0	7	45	0	8	60	238
Kuala Penyu	0	47	9	0	1	57	390
Kinabatangan	0	31	22	0	3	56	297
Beluran	33	9	8	0	3	53	206
Kunak	3	21	27	0	0	51	339
Sipitang	0	27	20	0	1	48	210
Putatan	0	19	27	0	1	47	400
Telupid	0	13	16	0	0	29	216
Tenom	0	17	10	0	1	28	130
Tambunan	0	14	3	0	1	18	123
Nabawan	1	10	3	0	0	14	92
Pitas	0	4	7	0	1	12	82
Kalabakan	0	1	3	0	2	6	21
Tongod	0	0	0	0	0	0	41
JUMLAH	90	1,494	2,252	0	271	4,107	22,623

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Gudon	8
	Kluster Sutera 2	38
Kota Marudu	Kluster Jalan Taman Beringin	1
Keningau	Kluster Access Menawo	1
Beaufort	Kluster Kg. Weston	3
Kunak	Kluster Jalan Madai 2	2
	Kluster Bukit Giram	1
Nabawan	Kluster Loboh Nabawan	1
Beluran	Kluster Simpangan Paitan	33
Kota Belud	Kluster Pengkalan Abai	2
Jumlah		90

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,155 unit

- Hospital 1,542 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,273 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 312 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 64.62%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 12 FEBRUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	4,043
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	64
Jumlah	4,107

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	3,931
Bukan Malaysia	176
Jumlah	4,107

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	184
Belum Menerima Vaksin (5-11)	304
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	130
Menerima 1 Dos	5
Lengkap 2 Dos	2,783
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	701
Jumlah	4,107

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	32
1 to 5	152
6 to 11	304
12 to 17	303
18 to 25	669
26 to 59	2,384
>60	263
Jumlah	4,107

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 11 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 12,475. Daripada jumlah ini, seramai 11,031 orang adalah penduduk dewasa, 77 orang adalah penduduk remaja 1,367 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 11 Februari 2022 adalah seramai 2,461,416 orang. Ini meliputi 2,117,865 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.96% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,411,688 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,413 orang atau 76.07% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,695 orang atau 77.81% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,275 atau 72.18% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 5,856 atau 1.34% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **681,717** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 207 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 61 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan di buat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO) dan satu (1) lagi tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 905 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 310 premis perniagaan dan 3,093 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 314 Premis Perniagaan melibatkan 114 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 15 anggota di enam (6) lokasi.

5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 22 premis, melibatkan lapan (8) buah BBP pada hari ini.

6 Sejumlah 90 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.

7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 101 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	97.9%
2	Keningau	97.9%
3	Kudat	97.9%
4	Sipitang	97.9%
5	Beluran	97.8%
6	Ranau	97.7%
7	Lahad Datu	97.7%
8	Semporna	97.5%
9	Tenom	97.5%
10	Kinabatangan	97.5%
11	Papar	97.5%
12	Kota Marudu	97.4%
13	Tawau	97.4%
14	Beaufort	97.4%
15	Tuaran	97.4%
16	Kota Kinabalu	97.3%
17	Kota Belud	97.3%
18	Sandakan	97.3%
19	Penampang	97.3%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II